

Waad dalam kenegaraan Melayu

» Seminar perjelas keunikan, kepentingan janji setia Raja-rakyat



Seorang peserta bertanya soalan pada Seminar Antarabangsa Lembaga Peradaban Melayu, Raja dan Kerajaan di Auditorium Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri, Kuala Lumpur.

Oleh Hafizah Iszahanid
hafiza@bh.com.my

Rakyat masih menjadi komponen terpenting pemerintahan Malaysia masa kini seperti waad atau perjanjian setia antara Raja dengan rakyat seperti termaktub dalam naskhah klasik *Sulalatus Salatin*, sekali gus sebagai teras hubungan kenegaraan antara dua pihak di Alam Melayu.

Penegasan itu dibuat pada 'Seminar Antarabangsa Peradaban Melayu: Rakyat, Raja dan Kerajaan' di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Profesor Kolej Undang-Undang Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Datuk Dr Zainal Kling, berkata waad itu memperjelaskan kuasa rakyat dalam kedudukan Raja sehinggakan mempunyai implikasi tersendiri sekiranya waad itu dilanggar dan prinsip itu sudah berjalan sekian lama.

Keadilan, prinsip utama

"Kemasukan Islam dalam konteks alam dan budaya Melayu pula menegaskan keadilan sebagai prinsip utama dalam hubungan raja dan rakyat.

"Penjajahan menyebabkan konsep kuasa Raja mutlak bertukar menjadi Raja Berperlembagaan yang memperuntukkan kedaulatan memerintah bersama antara raja dan rakyat," katanya ketika membentangkan *Dari Waad Kepada Raja Berperlembagaan: Sendi Pemerintahan Negara Malaysia*.

Prof Zainal berkata, prinsip kedaulatan dalam konteks hubungan antara raja



“ Pembabitan Opu Bugis Lima Bersaudara memberi kesan besar pada Kerajaan Johor Pahang Riau Lingga kerana ia mencetuskan perselisihan dengan suku Melayu di Johor ”

Dr Abdullah Zakaria Ghazali,
Pensyarah Jabatan Sejarah
Universiti Malaya

dengan rakyat itu semakin jauh berkembang, malah ia berterusan hingga kini.

"Raja masih berkuasa melantik ketua pentadbir secara budi bicara dalam kalangan pemimpin rakyat, manakala rakyat menentukan tokoh yang ingin



“ Penjajahan menyebabkan konsep kuasa Raja mutlak bertukar menjadi Raja Berperlembagaan yang memperuntukkan kedaulatan memerintah bersama antara raja dan rakyat ”

Dr Zainal Kling,
Profesor Kolej Undang-Undang
Kerajaan dan Pengajian
Antarabangsa, USM

dipilih menerusi pilihan raya," katanya.

Teroka sejarah lama

Sementara itu, Pensyarah Jabatan Sejarah Universiti Malaya, Prof Dr Abdullah Zakaria Ghazali, berkata ketidakstabilan

Kerajaan Johor Pahang Riau Lingga yang tercetus akibat pembunuhan Sultan Mahmud pada tahun 1699 berterusan sehingga kerajaan itu ditadbir Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah (1718-1722).

"Ia kemudian membawa kepada pembabitan Opu Bugis Lima Bersaudara, iaitu Daeng Parani, Daeng Marewah, Daeng Chelak, Daeng Menambun dan Daeng Kemasi yang membantu Raja Sulaiman, iaitu putera Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV menduduki takhta.

"Pembabitan ini melahirkan Persetiaan Melayu-Bugis yang dimeterai pada tahun 1722 yang ternyata memberi kesan besar pada Kerajaan Johor Pahang Riau Lingga kerana ia mencetuskan perselisihan dengan suku Melayu di Johor," katanya ketika membentangkan *Persetiaan Melayu-Bugis dalam Sejarah Kerajaan Johor-Pahang, Riau dan Lingga*.

Persetiaan Melayu-Bugis

Prof Abdullah Zakaria berkata, mengikut persetiaan itu, Yang Dipertuan Muda yang menguruskan kerajaan, tetapi pembabitan pihak Bugis menyaksikan pelantikan Raja Sulaiman sebagai Sultan Johor bergelar Sultan Sulaiman Badrul Alam.

Katanya, Riau kemudian menjadi pusat kuasa Bugis menggantikan Selangor dan persetiaan ini kekal hingga berakhirnya Empayar Johor Pahang Riau Lingga selepas berkuatkuasanya Perjanjian London, pada 17 Mac 1824.

Seminar anjuran Lembaga Peradaban Melayu dengan kerjasama Yayasan Karyawan itu diadakan bertujuan untuk mengenal semula hubungan antara rakyat dengan Raja dan Kerajaan Melayu terutama sistem demokrasi Raja Berperlembagaan yang diwarisi daripada tamadun serta peradaban Melayu.